

# Putera Al-Waleed dianugerah Ijazah Doktor Perundangan

UM- 31/5/2007.



KUALA LUMPUR 30 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Perundangan, Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam (INCEIF) kepada kerabat diraja Arab Saudi, Putera Al-Waleed Talal Al-Saud.

Ijazah tersebut disampaikan pada satu majlis konvokesyen khas yang diadakan sempena penganugerahan itu.

Anugerah tersebut diberi kepada Putera Al-Waleed, 52, sebagai pengiktirafan terhadap kejayaannya dalam bidang perbankan, kewangan global selain menghargai komitmennya dalam bidang pengajian Islam.

Turut hadir Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah dan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz.

INCEIF yang ditubuhkan pada 2006 bertujuan melahirkan lebih ramai ilmuwan, profesional dan pakar dalam sistem kewangan Islam untuk memenuhi tuntutan keperluan tenaga manusia dalam industri tersebut yang berkembang pesat di seluruh dunia.

Putera Al-Waleed dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada INCEIF dan menganggap anugerah itu sebagai titik permulaan untuk menjalin hubungan yang lebih erat antara Malaysia dan Arab Saudi.

"Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang wajar dicontohi oleh negara-negara Islam lain kerana negara ini mempunyai pemimpin dan Perdana Menteri yang hebat," katanya.

Beliau juga berharap kedua-dua negara dapat menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang dalam usaha meningkatkan lagi pembangunan di negara masing-masing.

**PUTERA Al-Waleed Talal Al-Saud melihat Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian sambil diperhatikan Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.**